

14 FEBRUARI 2018

Pengganggu miliki dadah dipenjara tiga tahun

Pengganggu miliki dadah dipenjara tiga tahun

KOTA BHARU - Seorang pemuda dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dan dikenakan tiga sebatan selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan memiliki dadah jenis syabu seberat 6.37 gram pada tahun lalu.

Majistret Kamarul Hasyime Rosli menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Muhammad Syaznan Mohd. Nuji, 20, membuat pengakuan salah apabila pertuduhan ke atasnya dibacakan oleh jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, Muhammad Syaznan didakwa memiliki dadah jenis syabu seberat 6.37 gram di hentian bas Melor di sini pada pukul 9.50 malam,



SYAZNAN

23 Oktober 2017.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39 A (1) Akta Dadah Berbahaya yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih lima

tahun dan rotan maksimum sembilan sebatan jika sabit kesalahan.

Tertuduh yang tidak bekerja itu turut dijatuhi hukuman penjara setahun lagi atas pertuduhan memiliki racun jenis mitragynine dan diphendramine dengan isipadu 560 mililiter pada tarikh, waktu dan lokasi sama. Mahkamah mengarahkan kedua-dua hukuman tersebut berkuat kuasa serentak.